

13/05/2000

Time dotCom tidak dijual kepada SingTel

Azli Ayob

AKHIRNYA isu kontroversi cadangan penjualan kepentingan Time Engineering Bhd dan anak syarikat telekomunikasinya, Time dotCom Sdn Bhd kepada syarikat milik kerajaan Singapura, Singapore Telecommunications Ltd (SingTel) yang mendapat perhatian ramai berakhir.

Time dalam kenyataannya semalam mengumumkan bahawa ia mengambil keputusan muktamad untuk tidak melanjutkan lagi tempoh perjanjian permulaan berhubung penjualan ekuitinya kepada SingTel.

Syarikat itu berkata, sebaliknya ia akan meneruskan dengan program penyusunan semula struktur hutangnya yang dirumuskannya dengan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC).

"Time buat masa ini sedang berbincang dengan pembiaya bagi mendapatkan dana mencukupi untuk membayar kepada kreditor di bawah skim penyusunan semula itu," katanya.

Syarikat itu bagaimanapun tidak memberi butiran berhubung skim itu. Hutang Time dengan kreditornya dianggarkan berjumlah RM4.8 bilion.

"Satu pengumuman mengenainya akan dibuat kemudian," kata Time dalam kenyataannya kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Dalam kenyataan berasingan pula Time berkata, ia akan mengadakan pertemuan dengan kreditornya pada 8 Jun ini.

Berikutan pengumuman Time itu, ia turut meminta BSKL menangguhkan urusan niaga sahamnya semalam. Saham Time kelmarin ditutup pada RM4.52.

Pada 5 April lalu Time, Renong Bhd dan Singapore Telecom International Pte Ltd, syarikat induk SingTel menandatangani perjanjian awal bagi memberi peluang kepada SingTel membuat kajian bagi pembelian ekuiti dalam Time dotCom dan Time.

Tempoh bagi ketiga-tiga pihak mencapai persetujuan berhubung perkara itu sepatutnya dibuat sebelum 6 Mei.

Bagaimanapun ia dilanjutkan kepada 11 Mei bagi memberi peluang kepada Kumpulan Sapura, iaitu kreditor kedua terbesar Time yang muncul pada saat akhir mengemukakan cadangan penyusunan semula hutang Time.

Menurut cadangan Sapura itu ia akan membayar kepada Time sebanyak RM5.7 bilion. Cadangan Sapura itu turut menyatakan hasratnya memiliki sehingga 40 peratus ekuiti dalam Time dotCom.

Bagaimanapun, Time Isnin lalu menolak cadangan yang dikemukakan Sapura.

Penganalisis berkata, pengarah Time tidak bersetuju dengan cadangan itu kerana ia menyaksikan Sapura mempunyai ekuiti agak besar dalam Time dotCom, anak syarikat Time yang akan disenaraikan di BSKL.

"Perkara ini membabitkan isu pengurusan syarikat yang menyaksikan Sapura mempunyai penguasaan agak ketara dan ini kurang dipersetujui oleh pengarah Time," katanya.

Berikutan pengumuman Time untuk tidak melanjutkan perjanjiannya dengan SingTel itu, pelbagai telahan dibuat berhubung cara penyelesaian isu hutang Time.

Ada yang meramalkan bahawa Khazanah Nasional Bhd, iaitu syarikat pelaburan kerajaan mungkin muncul sebagai pelabur Time.

Bagaimanapun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin ketika ditanya pemberita mengenai perkara itu menyatakan tidak menyedarinya.

Sementara itu Bernama melaporkan, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SingTel, Lee Hsien Yang, menyatakan kekesalan terhadap pembatalan itu.

(END)

